JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# NEWSLETTER

Untuk Maklumat Lanjut : www.dosm.gov.my www.mycensus.gov.my

@StatsMalaysia @MyCensus2020

DOSM/BKS/9.2021/SIRI 30

# Impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap Publisiti Banci Malaysia 2020 di media massa

Disediakan oleh:
Mohd Yusrizal Ab Razak
Pegawai Perhubungan Awam
Bahagian Perangkaan Komunikasi Strategik dan Antarabangsa

## Pelaksanaan Banci Malaysia 2020

Bersesuaian dengan tema "Data Anda Masa Depan Kita", dapatan banci yang komprehensif merangkumi keperluan input pemantauan Agenda Pembangunan Mampan 2030 antaranya berkaitan pembasmian kemiskinan, kesamarataan dan kelestarian alam sekitar yang akan menjadi sumber utama dalam penyediaan rancangan pembangunan negara meliputi sosial, ekonomi dan pelbagai bidang utama lain untuk menjadi negara yang berdaya saing.

Dianggarkan sebanyak sembilan juta tempat kediaman melibatkan lebih kurang 32.7 juta penduduk diliputi dalam Banci Malaysia 2020.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Jun 2020 telah meluluskan pelaksanaan Banci Malaysia 2020 dijalankan dalam dua fasa berikutan pandemik COVID-19 yang melanda negara dan seluruh dunia. Fasa pertama bermula pada 7 Julai 2020 hingga 30 September 2020 melalui banci dalam talian (*e-Census*) dan fasa kedua bermula pada 7 Oktober 2020 hingga 24 Oktober 2020 dengan menggunakan kaedah temuramah bersemuka.

Majlis Perasmian Banci Malaysia 2020 telah diadakan di PICC, Putrajaya yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 7 Julai 2020.



Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan menjadi responden pertama Banci 2020. Foto NSTP

Majlis Perasmian Pelancaran Banci Malaysia 2020
https://www.facebook.com/mycensus2020/posts/1846411658831807

Kenyataan Media Pelancaran Banci Malaysia 2020
https://www.facebook.com/mycensus2020/posts/1847564455383194

## 1

Pada 5 Oktober 2020, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) telah mengeluarkan Kenyataan Media berkenaan Penjadualan Semula Pelaksanaan Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia 2020 berikutan peningkatan mendadak kes COVID-19 ketika itu.


UNTUK SIARAN SEGERA

Jabatan Perangkaan MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

OPERASI BANCI MALAYSIA 2020 SECARA BERSEMUKA DITANGGUHKAN, BANCI DALAM TALIAN DITERUSKAN

**PUTRAJAYA** – Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dijalankan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Susulan daripada peningkatan penularan COVID-19 dalam negara, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menangguhkan operasi Banci Malaysia secara bersemuka sehingga ke suatu tarikh baru yang akan dimaklumkan kelak. Keputusan ini diambil dalam menyokong usaha kerajaan membendung dan memutuskan rantaian penularan jangkitan COVID-19.

Namun begitu, Banci Dalam Talian (e-Census) dan pengumpulan data menggunakan kaedah *Computer Assisted Telephone Interview* (CATI) masih diteruskan. Justeru orang ramai yang masih belum membuat pengisian banci diseru memberikan kerjasama dengan mengisi maklumat melalui e-Census atau sistem panggilan telefon.

Berdasarkan respons yang diterima sehingga kini, seramai **19.2 juta** atau **58.8 peratus** daripada anggaran 32.7 juta penduduk Malaysia pada tahun 2020 telah direkodkan dalam Banci Malaysia 2020.

Sekiranya memerlukan maklumat lanjut, sila layari portal www.mycensus.gov.my atau berhubung terus dengan pejabat DOSM Negeri berdekatan.

**Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin**
**Pesuruhjaya Banci 2020**
**20 Mei 2021**

Fasa Kedua banci (secara bersemuka) yang akan bermula pada 7 sehingga 24 Oktober 2020 dijadualkan semula kepada 20 Januari sehingga 6 Februari 2021.

Banci dalam talian (*e-census* dan *Computer Assisted Telephone Interview,* (CATI) yang telah berakhir pada 30 September 2020 akan disambung semula pada 7 Oktober 2020 sehingga 21 Disember 2020.

# Penjadualan semula Banci Malaysia 2020

https://www.facebook.com/mycensus2020/posts/1933239266815712

## 2




# Sidang media oleh Menteri Kanan Pertahanan pada 19 Januari 2021

Umum DOSM akan susun semula banci bersemuka dan pembukaan semula e-Census dalam usaha putuskan rantaian COVID-19.

Beliau justeru menyeru mereka yang belum dibanci untuk berbuat demikian di www.mycensus.gov.my

# Bancian bersemuka secara bersasar

"Disebabkan kekangan penularan COVID-19, DOSM melaksanakan bancian bersemuka secara bersasar yang tidak ada kekangan dari segi pergerakan dan mengikut kesesuaian serta keselesaan komuniti setempat," kata Ketua Perangkawan Malaysia merangkap Pesuruhjaya Banci Malaysia 2020 dalam sesi soal jawab dalam program Hari Bersama Pelanggan DOSM 2021 secara maya pada 23 Februari 2021.

## 3

https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/02/677367/hanya-35-peratus-isi-maklumat-banci-2020-setakat-ini-dosm


Metro

Hanya 35 peratus isi maklumat Banci 2020 setakat ini - DOSM


UNTUK SIARAN SEGERA

Jabatan Perangkaan MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PELAKSANAAN BANCI MALAYSIA 2020 FASA KEDUA SECARA BERSEMUKA AKAN DISUSUN SEMULA

**PUTRAJAYA** – Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) fasa kedua melibatkan temuramah secara bersemuka yang dijadualkan bermula 20 Januari 2021 sehingga 6 Februari 2021 akan disusun semula. Pemakluman awal ini dibuat susulan perutusan khas oleh YAB Perdana Menteri berkenaan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada petang ini.


UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

MANFAATKAN BANCI DALAM TALIAN (E-CENSUS) UNTUK MELANDAIKAN LENGKUKAN KES COVID-19

**PUTRAJAYA** – Susulan perutusan khas oleh YAB Perdana Menteri berkenaan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama 14 hari mulai 13 hingga 26 Januari 2021, gerak kerja Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara bersemuka akan disusun semula berdasarkan tiga (3) kategori pelaksanaan PKP. Prosedur Operasi Standard (SOP) Operasi Pembancian di Lapangan Banci Malaysia 2020 yang diluluskan oleh Majlis Keselamatan Negara akan digunakan dalam pembancian Fasa Kedua. Pembancian bersemuka dibenar untuk dilaksanakan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan PKP Bersyarat (PKPB). Sementara itu, operasi pembancian secara bersemuka adalah tidak dibenarkan di kawasan PKP dan PKP Diperketatkan (PKPD). Bagi kawasan ini, maklumat banci akan dikumpul secara dalam talian iaitu melalui platform e-Census (Banci Dalam Talian) dan kaedah panggilan telefon mengikut kesesuaian.


Jabatan Perangkaan MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PRA PELAKSANAAN OPERASI BANCIAN RUMAH KE RUMAH TELAH BERMULA

**PUTRAJAYA** – Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) fasa kedua, temuramah secara bersemuka akan bermula secara rasmi mulai **20 Januari 2021** sehingga **6 Februari 2021**. Operasi Banci 2020 di lapangan ini dilaksanakan dengan pematuhan Prosedur Operasi Standard - Operasi Pembancian di Lapangan Banci 2020 ([illegible]) dan tertakluk kepada arahan berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari semasa ke semasa. Pelaksanaan fasa kedua ini juga mengambil kira kawasan yang terjejas berikutan bencana banjir di mana penyesuaian operasi pembancian akan dilaksanakan bagi memastikan semua penduduk Malaysia dibanci.

# Penangguhan Banci Malaysia 2020 secara bersemuka

## 4

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dijalankan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Susulan daripada peningkatan penularan COVID-19 dalam negara, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menangguhkan operasi Banci Malaysia 2020 secara bersemuka sehingga ke suatu tarikh baru yang akan dimaklumkan kelak. Keputusan ini diambil dalam menyokong usaha kerajaan membendung dan memutuskan rantaian penularan jangkitan COVID-19.

Namun begitu, Banci Dalam Talian (*e-Census*) dan pengumpulan data menggunakan kaedah *Computer Assisted Telephone Interview* (CATI) masih diteruskan. Justeru orang ramai yang masih belum membuat pengisian banci diseru memberikan kerjasama dengan mengisi maklumat melalui *e-Census* atau sistem panggilan telefon.


UNTUK SIARAN SEGERA

Jabatan Perangkaan MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

OPERASI BANCI MALAYSIA 2020 SECARA BERSEMUKA DITANGGUHKAN, BANCI DALAM TALIAN DITERUSKAN

**PUTRAJAYA** – Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dijalankan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Susulan daripada peningkatan penularan COVID-19 dalam negara, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menangguhkan operasi Banci Malaysia secara bersemuka sehingga ke suatu tarikh baru yang akan dimaklumkan kelak. Keputusan ini diambil dalam menyokong usaha kerajaan membendung dan memutuskan rantaian penularan jangkitan COVID-19.

Namun begitu, Banci Dalam Talian (e-Census) dan pengumpulan data menggunakan kaedah *Computer Assisted Telephone Interview* (CATI) masih diteruskan. Justeru orang ramai yang masih belum membuat pengisian banci diseru memberikan kerjasama dengan mengisi maklumat melalui e-Census atau sistem panggilan telefon.

Berdasarkan respons yang diterima sehingga kini, seramai **19.2 juta** atau **58.8 peratus** daripada anggaran 32.7 juta penduduk Malaysia pada tahun 2020 telah direkodkan dalam Banci Malaysia 2020.

Sekiranya memerlukan maklumat lanjut, sila layari portal www.mycensus.gov.my atau berhubung terus dengan pejabat DOSM Negeri berdekatan.

**Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin**
**Pesuruhjaya Banci 2020**
**20 Mei 2021**

BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA

# Sepanjang PKP yang telah dilaksanakan, sebanyak lima kenyataan media berkenaan penangguhan pelaksanaan Banci Malaysia 2020 telah dikeluarkan oleh DOSM

## Sebilangan wawancara fizikal di stesen TV dan radio terpaksa ditunda dan dilakukan secara virtual










## Fokus kerjasama DOSM dan media galakkan penggunaan e-Census...




Generasi muda disaran bantu ibu bapa isi maklumat banci secara e-Census



## ...bertujuan bagi mengurangkan risiko jangkitan COVID-19

### Kemaskini rerayap (crawler) 3x

### Kandungan bahan promosi di media penyiaran




Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 dijalankan pada 7 Julai 2020 - 30 September 2020 (*e-Census*) dan 7 Oktober - 24 Oktober (bersemuka). Data anda masa depan kita. Sila layari wwww. mycensus.gov.my untuk maklumat lanjut.

## Pemakluman melalui siaran berita




BERNAMA

Penangguhan banci bersemuka




RTM

Status penduduk yang telah dibanci (laporan RTM pada 12 April 2021)



BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA

# Penglibatan selebriti tanah air dalam promo Banci Malaysia 2020



Selebriti-selebriti terkemuka Malaysia turut membantu mempromosikan Banci Malaysia 2020. Antaranya Stacy Anam, Sean Lee, Jaclyn Victor, Mira Filzah, Tomok dan beberapa buah nama lagi.

## Promosi di YouTube dengan kandungan lebih santai untuk pemahaman masyarakat

### Komuniti sebagai influencer

santhanar droncharyar




norm lab




kotak nyaman




zi's easyart




**Youtubers dengan kandungan tersendiri raih views dan likes yang tinggi dari subscribers mereka**

## Selain YouTube, promosi dan publisiti juga menggunakan platform media sosial DOSM

@StatsMalaysia
8699 pengikut

@StatsMalaysia
35594 pengikut
@MyCensus2020
28477 pengikut

@statsmalaysia
6469 pengikut

# Pemakluman status terkini Banci Malaysia 2020 melalui FB Live!












# Info On Wheels (IOW)

Inisiatif Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) dalam mempelbagaikan kaedah penyampaian maklumat melalui hebahan unit bergerak sebagai medium perantara dalam memberi penerangan berhubung isu nasional dan semasa dalam usaha mengekang penyebaran berita tidak benar.




# Program Turun Padang DOSM bersama media sempena Banci Malaysia 2020

- Memantau operasi Banci Malaysia 2020 secara bersemuka di lapangan;
- Menyantuni agensi media dalam membuat liputan dan publisiti terhadap pelaksanaan banci secara bersemuka dan operasi bancian di lapangan; dan
- Menyebarluaskan maklumat mengenai pelaksanaan Banci Malaysia 2020 secara bersemuka kepada masyarakat umum.

| 7/4/2021 | 12/4/2021 | 25/4/2021 | 27/4/2021 | 28/4/2021 | 5/5/2021 | 7/5/2021 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| PENAMPANG & LIKAS, SABAH | PUCHONG, SELANGOR | MUAR, JOHOR | KUANTAN, PAHANG | BESUT & DUNGUN TERENGGANU | MANJUNG & K.KANGSAR, PERAK | AMPAR & ALOR GAJAH, MELAKA |

TELAH DILAKSANAKAN

**DITUNDA**

- KUALA LUMPUR
- SENDAYAN & SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
- KOTA BHARU, BACHOK & PASIR MAS, KELANTAN
- GEORGETOWN, PULAU PINANG
- ANAK BUKIT, KEDAH


EDISI > TERENGGANU > Banci di Terengganu dijangka siap lebih awal

## Banci di Terengganu dijangka siap lebih awal

Mohd Uzir (tiga dari kanan) menerangkan sesuatu kepada penduduk ketika hadir ke Program Turun Padang Pesuruhjaya Banci 2020 bersama media bagi memantau pelaksanaan banci secara bersemuka di Kampung Seberang Takir, Kuala Nerus pada Rabu.

KUALA NERUS – Banci Malaysia 2020 di Terengganu dijangka disiapkan 15 hari lebih awal berbanding tarikh akhir banci penduduk iaitu 30 Jun, kata Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.


Metro

Kelantan antara terawal siap banci penduduk


Kadar bancian di Perak 85 peratus



#MyStatsDay | #MyCensus2020 | #LeaveNoOneBehind

BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020

DATA ANDA MASA DEPAN KITA

